

# IMPLEMENTASI KAEDEAH SAINTIFIK DALAM KURIKULUM 2013 BAGI GURU PENDIDIKAN AGAMA ISLAM (PAI) PADA SEKOLAH MENENGAH ATAS (SMA) DALAM PROVINSI ACEH

*by* Zainal Abidin

---

**Submission date:** 06-Mar-2021 04:25AM (UTC-0800)

**Submission ID:** 1525817676

**File name:** FULL\_PAPER\_ZAINAL\_ABIDIN\_ISHAK.docx (78.84K)

**Word count:** 4917

**Character count:** 31584

## ABSTRAK

**2  
IMPLEMENTASI KAEADAH SAINTIFIK DALAM KURIKULUM 2013  
BAGI GURU PENDIDIKAN AGAMA ISLAM (PAI) PADA SEKOLAH  
MENENGAH ATAS (SMA) DALAM PROVINSI ACEH**

Zainal Abidin Ishak<sup>1</sup>, Mohmad Noor Bin Mohmad Taib<sup>2</sup> & Abdul Kadir Bin Ariffin<sup>3</sup>.

<sup>1</sup>Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Pendidikan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Langsa-Aceh.

<sup>2,3</sup>Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Malaysia

No. Telp. +6285277212334 / 017-3704945. Email: [zainalabidin.ishak75@gmail.com](mailto:zainalabidin.ishak75@gmail.com)

**2**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kefahaman guru PAI tentang kaedah saintifik bagi implementasi kurikulum 2013 dalam merancang dan melaksanakan pembelajaran PAI pada Sekolah Menengah Atas (SMA) Bandar dan luar Bandar dalam Provinsi Aceh. Desain penelitian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif (*mixed method concurrent nested/concurrent embedded strategy*) yang dilaksanakan pada 102 buah sekolah dengan menggunakan soal selidik dan 12 sekolah menggunakan temu bual. Penelitian ini melibatkan 211 guru PAI yang dipilih melalui persampelan *porposive sampling, simple random sampling* dan *cluster sampling* persampelan untuk kuantitatif dan 12 responden untuk kualitatif. Analisis data kajian kuantitatif menggunakan statistik inferensi melalui analisis ujian-t serta menggunakan analisis data temu bual bagi dapatan kualitatif. Kajian ini berfokus pada kaedah saintifik bagi guru Bandar dan Luar Bandar dalam implementasi kurikulum 2013 pada mata pelajaran Pendidikan Agama Islam (PAI). Dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan kemampuan guru PAI Bandar dan luar Bandar dalam memahami kaedah saintifik mengikut substansi daripada kurikulum 2013. Ini bermakna Guru dalam Bandar lebih memahami kaedah pembelajaran saintifik berbanding dengan guru PAI di luar Bandar.

**2**

**Kata Kunci:** Kaedah, Saintifik, Pendidikan Agama Islam (PAI), Kurikulum 2013, Perencanaan dan Pelaksanaan pembelajaran.

## 1.1 PENDAHULUAN

Perubahan dan pembangunan kurikulum 2013 di Indonesia merupakan sebahagian dari strategi meningkatkan pencapaian pendidikan yang berasaskan pada kompetensi dan karakter pelajar. Orientasi kurikulum 2013 adalah terjadinya peningkatan dan keseimbangan antara kompetensi sikap, kemahiran serta pengetahuan. Ini selari dengan isi kandungan Undang-Undang Pendidikan Nasional No. 20 Tahun 2003 pada pasal 35. Pasal 35 menyatakan bahawa Standard Kompetensi Lulusan (SKL) merupakan kelayakan lulusan yang meliputi aspek sikap, kemahiran dan pengetahuan bersesuaian dengan Standard Nasional Pendidikan yang telah ditetapkan.

Guru merupakan salah satu unsur penting dalam pelaksanaan kurikulum. Guru memiliki peranan dalam menentukan kejayaan pelajar, kerana dengan keupayaan yang dipunyai guru akan menentukan keberhasilan pelajar melalui pembelajaran yang dilaksanakan dalam bilik darjah. Oleh itu, guru juga adalah penentu kejayaan pelaksanaan kurikulum, kerana guru akan organisasikan pengalaman belajar pelajar, sehingga dapat mengubah penampilan mereka secara bermakna atau tidak (Herry Sudjendro, 2014).

Menteri Pendidikan dan Kebudayaan R.I (Mendikbud), Muhammad Nuh mendedahkan bahawa perubahan dan pembangunan kurikulum 2013 merupakan perkara yang penting yang harus senantiasa disesuaikan dengan perubahan zaman. Perlunya perubahan dan pembangunan kurikulum 2013 didasarkan pada beberapa hasil kajian antar bangsa tentang kebolehan pelajar Indonesia dalam kancah antar bangsa. Perubahan dan pembangunan dimulai dengan pengawalan terhadap empat elemen standard nasional iaitu Standard Kompetensi Lulusan (SKL), Standard Isi (SI), Standard Proses (SP), dan Standard Penilaian (SPn) (Mulyasa, 2013).

Lody Paat (2012) dan HAR Tilaar (2012) mengatakan bahawa permasalahan utama dalam kurikulum 2013 adalah pelaksanaannya. Kurikulum 2013 dari segi konsep menawarkan sesuatu benda baru dan berbeza dari yang sebelumnya iaitu Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) 2006. "Tapi saya jamin pelaksanaannya tidak akan mulus kerana persiapannya terutama untuk para guru tidak dibekali dengan kefahaman konsep yang matang." (Lody Paat, KOMPAS, 29 November 2012).

Hasil kajian Mulyasa (2013) didapati ramai guru yang belum memahami kurikulum baru tersebut. Kabanyakan guru mengetahui perubahan kurikulum daripada harian akbar atau media elektronik. Kekurangan penglibatan guru dalam menyebarkan kurikulum 2013 membuat pelbagai pihak menganggap pelaksanaan kurikulum 2013 tidak akan berjalan lancar. Namun begitu, terdapat pihak yang menyokong perubahan kurikulum kerana menganggap perubahan tersebut perlu untuk memenuhi tuntutan dan cabaran perkembangan semasa. Apabila tiada perubahan dalam kurikulum akan menyebabkan pelajar tidak mempunyai kelayakan yang sesuai untuk diserapkan kedalam dunia kerja (Kemendikbud, 2012).

Hasil analisis pandangan orang ramai yang dilakukan 29 November 25 dan Disember 2012 menunjukkan bahawa sebahagian besar responden menyetujui pelaksanaan kurikulum 2013 dan sebanyak 71% responden menunjukkan setuju terhadap justifikasi dan Standard Kompetensi Lulusan (SKL) kurikulum 2013. Selain itu sebanyak 81% responden pula menyetujui mengenai persedian guru dalam pelaksanaan kurikulum 2013 (Kemendikbud, 2013).

3

Oleh itu, untuk menjayakan pelaksanaan kurikulum 2013, harus dimulai dengan peningkatan kualiti guru, yang masih menghadapi banyak halangan dan tentangan terutama dalam pelaksanaan pembelajaran. Kurikulum 2013 telah dikuatkuasakan secara serentak pada tahun 2014 menjadi hal yang menakutkan bagi masyarakat serta menimbulkan keresahan dan kebingungan para guru. Kegelisahan dan kebingungan ini bermula daripada pendedahan kurikulum 2013 yang tidak menyentuh keseluruhan sekolah sehingga hanya sebahagian guru sahaja yang menerima latihan tertentu. Selain daripada itu, perubahan model pembelajaran dan penilaian yang dalam praktiknya kurang difahami oleh para guru. Banyak guru yang kebingungan kerana tidak pandai menggunakan komputer, atau buta IT dan ada guru yang khuatir kehilangan sertifikasi guru kerana kekurangan jam pelajaran. Bahkan, banyak pula guru yang menolak atau tidak mahu mengikuti perubahan dan pembangunan kurikulum kerana takut menghadapi sesuatu yang baru dan memberi kesan terhadap pekerjaannya bahkan takut meganggu keselesaan.

Berasaskan kesuruhan persoalan tersebut, pengkaji melakukan pengkajian dengan memfokuskan pada kaedah saintifik bagi guru PAI Bandar dan Luar Bandar dalam implementasi kurikulum 2013 pada mata pelajaran Pendidikan Agama Islam. Biasanya akan selalu mendapati cabaran ketika menghadapi sesuatu perubahan dan perkara-perkara baru berlaku sebagai kendala dalam pelaksanaan pembelajaran. Kajian <sup>2</sup>i dilaksanakan dalam Negeri Aceh, objek kajian ini dilakukan pada mata pelajaran Pendidikan Agama Islam (Islam) di Sekolah Menengah Atas (SMA). Paparan masalah dalam kajian ini merupakan salah satu konstruk sahaja daripada kajian tesis pengkaji.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH


Kejayaan pelaksanaan kurikulum 2013 bergantung kepada pengetahuan dan kefahaman guru, kerana guru sebagai perancang, pelaksana dan penilai pembelajaran.<sup>3</sup> Guru harus memiliki kefahaman yang baik tentang objektif, kandungan, kaedah dan penilaian pembelajaran yang sesuai dengan fakta, konsep dan teori-teori yang berlaku dalam kurikulum 2013. Pelbagai panduan, seperti panduan guru<sup>3</sup> nahupun panduan pelajar, yang sudah disiapkan oleh pemerintah, bermula daripada pendekatan saintifik, proses yang pembelajaran kreatif, sehingga penilaian otentik.

Hasil kajian yang dibuat oleh Nana Sudjana (2002) menunjukkan bahawa 76.6%, keputusan belajar pelajar dipengaruhi oleh prestasi guru iaitu kebolehan guru mengajar sebanyak 32.43%, penguasaan kandungan pelajaran sebanyak 32.38% dan sikap guru terhadap mata pelajaran sebanyak 8.60%. Analisis kuantitatif Darling & Hammon (2000) juga menunjukkan bahawa kualiti guru mempunyai korelasi yang kuat terhadap prestasi pelajar. Hasil yang sama juga ditunjukkan oleh Schacter (2006) yang menyebutkan bahawa prestasi guru merupakan pemboleh ubah yang penting dalam meningkatkan prestasi belajar pelajar.

Hasil tinjauan Furqon (2014) menghuraikan lapan permasalahan berkaitan dengan guru dalam pelaksanaan kurikulum 2013 iaitu, a) sukar mengubah *mindset* guru, b) perlu perubahan proses pembelajaran dari *teacher centered* ke *student centered*, c) moral spiritual yang rendah, d) budaya membaca dan mengkaji yang masih rendah, e) kurang penguasaan teknologi, f) lemah penguasaan bidang pentadbiran, g) kecenderungan guru yang lebih banyak menekankan aspek kognitif dan h) masih banyak guru yang belum mahu menjadi manusia pembelajar.

Beberapa penyelidik seperti Brophy & Good (1986), Gurney (2007), Rosenshine & Steven (1986), Reynolds & Teddlie (2000) menyatakan tingkah laku guru memainkan peranan dalam pencapaian pelajar. Antara faktor yang mempengaruhi pembelajaran yang berkesan telah dikenalpasti oleh Bophy dan Good (1986) iaitu penstrukturkan kandungan pembelajaran, menggunakan pengatur awal dan menyusun objektif dan kandungan pembelajaran mengikut urutan serta kejelasan pendedahan atau penyampaian. Berasaskan huraian tersebut jelas menunjukkan guru memiliki peranan penting sebagai pelaksana dan penentu kejayaan kurikulum, kerana tanpa kefahaman guru yang komprehensif tentang kurikulum akan menyebabkan pembelajaran dan pencapaian objektif kurikulum akan mengalami kesukaran dan kegagalan.

Kerangka konseptual kajian ini dibahagikan kepada dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas dan bersandar, dan tiga bahagian iaitu demografi guru PAI, perubahan dan pembangunan kurikulum 2013 serta elemen kurikulum PAI serta 12 konstruk seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Namun demikian, dalam kajian ini hanya membahas satu sahaja daripada pemboleh ubah bebas lokasi tempat kerja (Bandar dan luar Bandar).



### 1.3 PERSOALAN DAN HIPOTESIS KAJIAN

Persoalan kajian ini untuk melihat adakah terdapat perbezaan kefahaman guru PAI Bandar dan luar Bandar dalam melaksanakan pembelajaran dengan kaedah saintifik sesuai dengan kurikulum 2013. Untuk menjawab persoalan di atas pengkajian telah menetapkan sebanyak 12 hipotesis nol sebagai berikut:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Standard Kompetensi Lulusan (SKL) pembelajaran PAI dalam kurikulum 2013 berasaskan Bandar dan Luar Bandar 2
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Standard Kandungan (SKand) pembelajaran PAI dalam kurikulum 2013 berasaskan Bandar dan Luar Bandar.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Standard Kaedah (SKed) pembelajaran PAI dalam kurikulum 2013 berasaskan Bandar dan Luar Bandar.
- Ho4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Standard Penilaian (SPen) pembelajaran PAI dalam kurikulum 2013 berasaskan Bandar dan Luar Bandar. 3
- Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Kerangka Dasar (KDar) dalam kurikulum 2013 berasaskan Bandar dan Luar Bandar. 3
- Ho6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Struktur Kurikulum 2013 (StrKur) berasaskan Bandar dan Luar Bandar. 3
- Ho7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Sukatan Pembelajaran (SukPem) dalam kurikulum 2013 berasaskan Bandar dan Luar Bandar. 3
- Ho8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) dalam kurikulum 2013 berasaskan Bandar dan Luar Bandar.
- Ho9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Objektif Pembelajaran PAI (ObPAI) berasaskan Bandar dan Luar Bandar.
- Ho10 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Kandungan Pembelajaran PAI (KandPAI) berasaskan Bandar dan Luar Bandar.
- Ho11 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Kaedah Pembelajaran PAI (KedPAI) berasaskan Bandar dan Luar Bandar. 3
- Ho12 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kefahaman guru PAI terhadap Penilaian Pembelajaran PAI (PenPAI) berasaskan Bandar dan Luar Bandar. 3

#### 1.4 METODOLOGI PENELITIAN

Kajian ini bertujuan mengkaji kefamahan guru PAI terhadap kaedah saintifik bagi implementasi kurikulum 2013 dalam merancang dan melaksanakan pembelajaran PAI pada Sekolah Menengah Atas (SMA) Bandar dan luar Bandar dalam Provinsi Aceh. Justeru itu, <sup>2</sup> untuk menjalankan kajian ini pengkaji menggunakan reka bentuk kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif yang disepadukan (*mixed method concurrent nested/concurrent embedded strategy*) telah digunakan. Gabungan kedua-dua kaedah ini perlu kerana ia boleh saling melengkap data antara satu sumber dengan sumber yang lain, yang memandang setiap kaedah masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangan (Creswell & Clark, 2007).

Dalam kajian ini kaedah kuantitatif adalah dominan berbanding kaedah kualitatif kerana tujuan kaedah kualitatif sebagai satu bentuk sokongan data kuantitatif. Terdapat beberapa saranan bahawa penggunaan kedua-dua kaedah ini dapat memantapkan dapatan dan kefahaman tentang sesuatu fenomena yang berlaku antaranya Brewer dan Hunter (2005); Frechtling dan Shrap (1977) dan Sabitha (2006). Johnson, Onwuegbuzie dan Turner (2007) menekankan pendekatan kaedah gabungan membolehkan kajian dilakukan dengan lebih mendalam dan meluas untuk meningkatkan kefahaman dan sokongan data. Penggunaan teknik temu bual bukan sahaja menyokong dan menambahkan bukti tetapi juga membantu mengesahkan dapatan yang diperoleh dari soal selidik (Cohen, Manion & Morrison, 2000). Neuman (2006) dan Woods (2006) berpendapat penggunaan beberapa kaedah meneroka akan meningkatkan peluang pengkaji untuk mengkaji secara mendalam dan lebih tepat.

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada guru Pendidikan Agama Islam (PAI) dalam negeri Aceh yang telah mengikuti kursus/pelatihan kurikulum 2013 yang pengkaji peroleh dari Surat Keputusan Kepala Badan Pengkajian dan Pengembangan (Balitbang) Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, No. 022/H/KR/2015 tentang penetapan peringkat pendidikan pelaksana kurikulum 2013. Pengkaji mengenal pasti sebanyak 23 daerah dan 460 Sekolah Menengah Atas (SMA) yang memenuhi kriteria sebagai pelaksana kurikulum 2013 dalam Negeri Aceh. Teknik persampelan adalah persampelan bertujuan (*purposive sampling*), persampelan rawak (*simple random sampling*) dan persampelan kluster (*cluster sampling*). penetapan saiz sampel dalam kajian ini adalah seramai 211 orang sampel berasaskan jadual penentuan saiz oleh Krejcie dan Morgan. Jadual 1 menunjukkan jumlah guru PAI dari Sekolah Menengah Atas (SMA) di setiap wilayah dalam Negeri Aceh yang terpilih sebagai sampel kajian.

Jadual 1 Populasi dan Sampel Kajian

<b>Bil</b>	<b>Zon</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Bil. SMA</b>	<b>Bil. Sampel</b>
1	Timur	Aceh Tamiang, Kota Lhokseumawe dan Kabupaten Bireuen.	20	66
2	Tengah	Kota Subulussalam, Kabupaten Nagan Raya, Kabupaten Aceh Barat dan Kabupaten Aceh Jaya.	26	49
3	Barat	Kota Banda Aceh, Kabupaten Aceh Besar, dan Kabupaten Pidie.	50	96
<b>Jumlah</b>			<b>202</b>	<b>211</b>

Instrumen kajian ini untuk mendapatkan data kuantitatif ialah soal selidik dalam bentuk Skala Likert dan soalan Objektif. Ia merupakan alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpulkan data maklumat bagi tujuan analisis untuk menjawab persoalan kajian atau objektif (Mohd Majid, 2000; Sabitha, 2006).

Manakala Kaedah temu bual separa struktur (*semi-structured*) telah digunakan untuk memperoleh data kualitatif. Temu bual berstruktur melibatkan penjadualan soalan yang ketat., iaitu penyelidik akan bertanyakan setiap responden penyelidikan soalan yang sama dengan gaya atau cara yang sama dan biasanya telah tersedia senarai semak tentang apa yang hendak diselidik, Ghaziah, Nabilah, Shireena, Rohaya & Norshidah (2010).

## 1.5 DAPATAN KAJIAN

### 1.5.1 Dapatan Analisis Data Kuantitatif

Dapatan dari pada analisis data kuantitatif menunjukkan bahawa keputusan ujian-t mengikut Soalan Skala Likert bagi konstruk Perubahan dan Pembangunan kurikulum 2013 yang merangkumi 8 sub konstruk dan Elemen Kurikulum yang merangkumi 4 sub konstruk secara keseluruhan mendapat signifikan. Ini bermakna bahawa terdapat perbezaan antara guru PAI dalam Bandar dan guru PAI Luar Bandar dalam memahami dan melaksanakan kurikulum 2013 berkaitan dengan kaedah saintifik sesuai dengan konsep kurikulum 2011. Guru PAI dalam Bandar lebih memahami pelaksanaan pembelajaran dengan kaedah saintifik berbanding dengan guru PAI luar Bandar.

Manakala ujian-t mengikut soalan Objektif bagi konstruk Perubahan dan Pembangunan kurikulum 2013 yang merangkumi 8 sub konstruk dan Elemen Kurikulum yang merangkumi 4 sub konstruk hanya 2 sub konstruk sahaja yang signifikan dan menyokong dapatan Soalan Skala Likert iaitu sub konstruk Standard Kaedah (SKed) dan Standard Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP). Ini bermaksud bahawa ada perbezaan yang signifikan diantara guru PAI dalam memahami substansi yang berkaitan dengan kedua sub konstruk di atas. Berikut ini adalah dapatan kuantitatif secara rinci sesuai dengan masing-masing hipotesis.

Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Standard Kompetensi Lulusan (SKL) dalam kalangan guru PAI berdasarkan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berdasarkan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho1 dalam kajian ini berdasarkan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbezaan yang signifikan dalam memahami Standard Kompetensi Lulusan (SKL) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berdasarkan Bandar dan luar Bandar. Manakala hasil ujian-t dapatan analisis Objektif tidak menyokong dapatan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat wujud signifikan perbezaan antara guru PAI Bandar dan luar Bandar dalam memahami Standard Kompetensi Lulusan (SKL) Kurikulum 2013 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.09 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$ . Oleh demikian Ho1 berdasarkan hasil Objektif diterima.

Ho2 Tidak terdapat perbeaan yang signifikan Standard Kandungan (SKand) Kurikulum 2013 dalam kalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho2 dalam kajian ini berasaskan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbeaan yang signifikan dalam memahami Standard Kandungan (SKand) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI Bandar dan luar Bandar. Manakala analisis Objektif tidak menyokong dapatan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat wujud signifikan perbeaan dalam memahami Standard Kandungan (SKand) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar, pada aras signifikansi yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.19 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$ . Oleh demikian Ho2 berasaskan hasil Objektif diterima.

Ho3 Tidak terdapat perbeaan yang signifikan Standard Kaedah (SKed) Kurikulum 2013 dalam kalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $P<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho3 dalam kajian ini berasaskan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbeaan yang signifikan dalam memahami Standard Kaedah (SKed) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar. Manakala hasil ujian-t dapatan analisis Objektif menyokong dapatan analisis Skala Likert. Ini menunjukkan bahawa terdapat wujud signifikan perbeaan antara dalam memahami Standard Kaedah (SKed) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar, pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . nilai p adalah sebanyak 0.00 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh demikian Ho3 berasaskan hasil Objektif di tolak.

Ho4 Tidak terdapat perbeaan yang signifikan Standard Penilaian (SPen) pembelajaran kurikulum 2013 dalam kalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho4 dalam kajian ini berasaskan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbeaan yang signifikan dalam memahami Standard Penilaian (SPen) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar. Hasil ujian-t dapatan analisis Objektif tidak menyokong dapatan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat wujud signifikan perbeaan dalam memahami Standard Penilaian (SPen) pembelajaran Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.143 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$ . Oleh demikian Ho4 berasaskan hasil Objektif diterima.

<sup>3</sup>  
Ho5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Kerangka Dasar (KDar) Kurikulum 2013 dalam kalangan guru PAI berdasarkan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho5 dalam kajian ini ber<sup>3</sup>askan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbezaan yang signifikan dalam memahami Kerangka Dasar (KDar) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berdasarkan Bandar dan luar Bandar. Hasil ujian-t dapatkan analisis Objektif tidak menyokong dapatkan analisis Skala likert. ini menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan signifikan dalam memahami Kerangka Dasar (KDar) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berdasarkan Bandar dan luar Bandar pada aras signifikan yang tetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.295. Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $P<0.05$  Oleh demikian, Ho5 dalam kajian ini hasil Objektif juga diterima.

<sup>3</sup>  
Ho6 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Struktur Kurikulum 2013 (StrKur) dalam kalangan guru PAI berdasarkan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho6 dalam kajian ini berdasarkan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbezaan yang signifikan dalam memahami Struktur (SKur) Kurikulum 2013 dikalangan guru Bandar dan luar Bandar. hasil ujian-t dapatkan analisis Objektif tidak menyokong dapatkan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat wujud signifikan perbezaan dalam memahami Struktur (SKur) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berdasarkan Bandar dan luar Bandar pada aras signifikan yang tetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.35 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$  Oleh demikian Ho6 berdasarkan hasil Objektif diterima.

Ho7 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Sukatan Pembelajaran (SukPem) Kurikulum 2013 dalam kalangan guru PAI berdasarkan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $P<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho7 dalam kajian ini berdasarkan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbezaan yang signifikan dalam memahami Sukatan Pembelajaran (SukPem) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berdasarkan Bandar dan luar Bandar. Manakala hasil ujian-t dapatkan analisis Objektif menyokong dapatkan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa terdapat wujud signifikan perbezaan antara dalam memahami Sukatan Pembelajaran (SukPem) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berdasarkan bandar dan luar bandar, pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.02 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$  Oleh demikian Ho7 berdasarkan hasil Objektif ditolak.

Ho8 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) Kurikulum 2013 dalam kalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho8 dalam kajian ini berasaskan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbezaan yang signifikan dalam memahami Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar. Hasil ujian-t dapatkan analisis Objektif tidak menyokong dapatan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat wujud signifikan perbezaan dalam memahami Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar pada aras signifikan yang<sup>3</sup> ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.80 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$  Oleh demikian Ho8 berasaskan hasil Objektif diterima.

<sup>3</sup>  
Ho9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Objektif Pembelajaran PAI (ObPAI) dalam kalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho9 dalam kajian ini berasaskan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbezaan yang signifikan dalam memahami Objektif Pembelajaran PAI (ObPAI) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar. Hasil ujian-t dapatkan analisis Objektif tidak menyokong dapatan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat wujud signifikan perbezaan dalam memahami Objektif Pembelajaran PAI (ObPAI) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar pada aras signifikan yang<sup>3</sup> ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.38 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$  Oleh demikian Ho9 berasaskan hasil Objektif diterima.

<sup>3</sup>  
Ho10 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Kandungan Pembelajaran PAI (KanPAI) dalam kalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho10 dalam kajian ini berasaskan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbezaan yang signifikan dalam memahami Kandungan Pembelajaran PAI (KanPAI) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar. Hasil ujian-t dapatkan analisis Objektif tidak menyokong dapatan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat wujud signifikan perbezaan dalam memahami Kandungan Pembelajaran PAI (KanPAI) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar pada aras signifikan yang<sup>3</sup> ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.14 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$  Oleh demikian Ho10 berasaskan hasil Objektif diterima.

- 3  
Ho11 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Kaedah Pembelajaran PAI (KedPAI) dalam kalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho11 dalam kajian ini berasaskan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbezaan yang signifikan dalam memahami Kaedah Pembelajaran PAI (KedPAI) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar. Hasil ujian-t dapatkan analisis Objektif tidak menyokong dapatan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat wujud signifikan perbezaan dalam memahami Kaedah Pembelajaran PAI (KedPAI) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.36 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$ . Oleh demikian Ho11 berasaskan hasil Objektif diterima.

- 3  
Ho12 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan Penilaian Pembelajaran PAI (PenPAI) dalam kalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar.

Hasil analisis ujian-t berasaskan Skala Likert menunjukkan bahawa nilai p adalah sebanyak 0.00 pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Ini menunjukkan bahawa nilai p lebih kecil daripada  $p<0.05$ . Oleh itu, Ho12 dalam kajian ini beraskan hasil Skala Likert ditolak, oleh demikian terdapat perbezaan yang signifikan dalam memahami Penilaian Pembelajaran PAI (PenPAI) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar. Hasil ujian-t dapatkan analisis Objektif tidak menyokong dapatan analisis Skala likert. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat wujud signifikan perbezaan dalam memahami Penilaian Pembelajaran PAI (PenPAI) Kurikulum 2013 dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar pada aras signifikan yang ditetapkan iaitu  $p<0.05$ . Nilai p adalah sebanyak 0.15 ini menunjukkan bahawa nilai p lebih besar daripada  $p<0.05$ . Oleh demikian Ho12 berasaskan hasil Objektif diterima.

### **1.5.2 Dapatan Analisis Data Kualitatif**

2  
Manakala dapatan temu bual yang dijalankan pada duabelas Sekolah Menengah Atas (SMA) iaitu sekolah Dalam Bandar dan Luar Bandar terdiri dari duabelas responden menyokong dapatan daripada analisis data kuantitatif. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam memahami dan melaksanakan kaedah saintifik dalam pembelajaran PAI dikalangan guru PAI berasaskan Bandar dan luar Bandar. Secara keseluruhan responden guru PAI dalam Bandar lebih memahami kaedah saintifik sesuai konsep kurikulum 2013 berbanding dengan guru PAI luar Bandar. Analisis selanjutnya didapati bahawa Bandar dan luar Bandar merupakan faktor yang menentukan pemahaman guru PAI terhadap konstruk perubahan dan pembangunan kurikulum 2013 dan konstruk elemen kurikulum PAI (PPKur dan ELPAI).

## 1.6. KESIMPULAN

Kajian ini telah memberi gambaran berkenaan kaedah saintifik dalam pembelajaran PAI bagi implementasi kurikulum 2013 dalam merancang dan melaksanakan pembelajaran PAI pada Sekolah Menengah Atas (SMA) Bandar dan luar Bandar dalam Provinsi Aceh. Dapatkan kajian secara umumnya mendapati bahawa guru PAI pada SMA dalam Bandar memiliki kefahaman terhadap kaedah saintifik sesuai dengan substansi kurikulum 20013 yang merangkumi konstruk perubahan dan pembangunan kurikulum, demikian juga dengan konstruk elemen kurikulum PAI.

Justeru itu, untuk meningkatkan kefahaman guru PAI tentang kaedah saintifik dalam pembelajaran PAI perlu dilakukan pelatihan, komunikasi/musyawarat antar guru, kerjasama pengetua sekolah, sarana prasarana, kesadaran guru PAI untuk melakukan perubahan diri evaluasi kegiatan pembelajaran. Beberapa dari dapatkan kajian ini boleh dibuat untuk panduan arah tuju atau modul bagi panduan pelaksanaan kurikulum 2013 berkaitan Bandar dan luar Bandar yang perlu diberikan perhatian yang berbeza dan maksimum.

## 1.6 REFERENSI

1

- Abd. Ghafar Md. Din (2003). *Prinsip dan amalan pengajaran*. Kuala Lumpur : Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad, Muhammad Abdul Qadir. 2008. *Metologi pengajaran agama Islam*. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Aqib Zainal, dan Elham. 2008. *Membangun Profesionalisme Guru Dan Pengawas Sekolah*, Bandung: CV Yrama Widya.
- Arifin, H.M. 2003. *Ilmu Pendidikan Islam: Tinjauan Teoritis dan Praktis Berdasarkan Pendekatan Interdisipliner*, ed.Rev, Jakarta: Bumi Aksara.
- Arikunto, Suharsimi. 1998. *Prosedur Penelitian; suatu pendekatan dan praktek*. Cet ke-11. Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Babbie, E. 2001. *The practice of social research*. Edisi ke 9. Belmont, CA: Wadsworth.
- Bady, L & Kennedy, L. 1999. *Curriculum Construction*. Sydney: Prentice Hall.
- Ball, S.J. 1985. *School Politics, Teachers' Careers and Educational Change: A case study of becoming a comprehensive school*. In L. Barton and S. Walker (eds), *Education and Social Change*. London: Croom Helm.
- Behar, L.S. 1994. *The knowledge base of curriculum: an empirical analysis*. (Lanham, MD: University Press of America).
- Bloom, B.S. (Ed). 1979. *Taxonomy of Educational Objectives*. London: Longman Group Ltd.
- Chua, Y.P. 2006. *Kaedah dan statistik penyelidikan*. *Kaedah penyelidikan*. Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Chua, Y.P. 2006. *Kaedah dan statistik penyelidikan*. *Kaedah penyelidikan*. Buku 2. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Chuan, Y.P. ( 2006). *Research Methods*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Cohen, L. & Manion, L. 2000. *Research method in education*. Edited by 5. London: Routledge Falmer.
- Cohen, L. & Manion, L. 1994. *Research methods in education*. Ed. Ke-4. London: Kogan Page.
- Creswell, J.W. 2005. *Educational research: planning, conducting and evaluating, quantitative and qualitative research*. Ed. Ke-2 Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Davis, D. 2002. *Business research for decision making*. Ed. Ke-5. New York: Duxbury Thomson Learning, University of Central Florida.
- Drake, Susan M. 2013. *Menciptakan terintegrasi yang berbasis standar*. Ed. Ke-3. Jakarta: PT. Indeks.

- Fraenkel, J. R., & Wallen, N.E, (1996). *How to design an evaluate research in education* 3rd edition. Newyork: McGraw-Hill.
- Fullan, M. (1993). *Change forces: probing the depths of education reform*. London: Falmer Press.
- Fullan, M. 2007. *The New Meaning of educational change*, New York: NY., Teacher Collage press.
- Fullan, M.G. & Stiegelbauer, S. 1991. *The new meaning of educational change* (2nd edition). New York Teachers College Press.
- Fullan, M.G. 1982. *The meaning of educational change*. New York: Teachers College Colombia University.
- Gagne, R.M. 1975. *Essentials of Learning for Instruction*. New York: Holt. Rinchart and Winston.
- Gay, L.R., Mills, G.E., & Airasian, P. (Eds.) (2006). *Education Research. Competencies for Analysis and Applications* (8 th ed). Upper Saddle River: Pearson Educational, Inc.
- Gunawan, Heri. 2013. *Kurikulum dan pembelajaran pendidikan Agama Islam*. Cet ke-2 Bandung: CV. Alfabeta.
- Gutek, L. Gerald L. 2004. *Philosophical and ideological voices in education*. Pearson Education.
- Hair, J.F., W.C., Babin, B.J., Anderson, R.E., & Tatham, R.L. (1998). *Multivariate data analysis*. New Jersey: Pearson Education International.
- Hamalik, Oemar. 2009. *Dasar-dasar pengembangan kurikulum*. Cet ke-3. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Hamalik, Oemar. 2013. *Kurikulum dan pembelajaran* . Cet ke-13. Jakarta: Bumi Aksara.
- Hamdan, Abdul Rahim. 2007. *Pengajian kurikulum*. Cet. Ke-3. Johor Bahru, Johor Darul ta'zim : UTM Press.
- Hammond L.D. and Hudson, L., (1990) Precollege Sdcience and Mathematica Teachers: Supply, Demand and Quality. In Marianne Amarel, at.al., (Ed) Review of Researc In Education 1989-1990. Washington: DC.: AERA.
- Hamzah, Mohd. Daud. 1994. *Reka bentuk kurikulum sekolah*. Selangor Darul Ehsan: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka Lot1037, Mukim Perindustrian PKNS.
- Haryati, Mimin. 2008Model *Teknik Penilaian Pada Tingkat Satuan Pendidikan*, Jakarta: Gaung Persada Press.
- Hasan, Hamid. 2009. *Evaluasi kurikulum*, cet. Ke-2. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Hidayat, Ara., & Imam Machali. 2012. *Konsep, prinsip, dan aplikasi dalam mengelola sekolah dan madrasah*. Yogyakarta: Kaukaba.
- Hidayat, Sholeh. 2013. *Pengembangan kurikulum baru*. cet. Ke-2. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.

- Hosnan, M. 2014. *Pendekatan saintifik dan kontekstual dalam pembelajaran abad 21; kunci sukses implementasi kurikulum 2013*. Cet Ke-2. Bogor: Ghalia Indonesia.
- Idi, Abdullah. 2014. *Pengembangan kurikulum; teori & praktik*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Idris, Noraini. 2010. *Penyeledikan dalam pendidikan*. Malaysia: McGraw Hill. Sdn.Bhn.
- Ismail, Ramlee, at all. 2014. *Analisis data kuantitatif*. Kuala Lumpur: Kaisar Media Kreatif.
- Jalaluddin, & Abdullah Idi. 2010. *Filsafat pendidikan; manusia, filsafat, dan pendidikan*. Cet ke-3. Yogyakarta: Ar-Ruzz Media.
- Kamus Dewan edisi ke empat. 2005. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan edisi ke empat. 2007. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kemendiknas. 2010. *Pengembangan KTSP SMA*, Jakarta: Direktorat Pembinaan SMA.
- Khairuddin, Junaedi, Mahfud, dkk. 2007. *Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan, Konsep dan Implementasinyadi Madrasah*, Yogyakarta: Nuansa Aksara.
- Krejcie R. V., & Morgan D.W (1970). *Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement*. 30,607-610.

# IMPLEMENTASI KADEAH SAINTIFIK DALAM KURIKULUM 2013 BAGI GURU PENDIDIKAN AGAMA ISLAM (PAI) PADA SEKOLAH MENENGAH ATAS (SMA) DALAM PROVINSI ACEH

---

ORIGINALITY REPORT

---



PRIMARY SOURCES

---

- |                 |   |     |
|-----------------|---|-----|
| 1               | <a href="http://journal.iainlangsa.ac.id">journal.iainlangsa.ac.id</a>  | 15% |
| Internet Source |   |     |
| 2               | <a href="http://digilib.iainlangsa.ac.id">digilib.iainlangsa.ac.id</a>  | 6%  |
| Internet Source |   |     |
| 3               | Basri Ibrahim, Zainal Abidin, Andika Jaya Putra.<br>"PROFESIONALISME GURU PAI<br>BERDASARKAN ANALISIS KOMPONEN<br>KURIKULUM 2013 DI ACEH", al-Iltizam: Jurnal<br>Pendidikan Agama Islam, 2019 | 5%  |
| Publication     |   |     |
- 

Exclude quotes

Off

Exclude matches

Off

Exclude bibliography

Off